



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 42/2026

YB MENTERI BELIA DAN SUKAN SEMPURNAKAN MAJLIS PRAPERASMIAN HARI SUKAN NEGARA TAHUN 2026

16 JULAI 2026

1. YB Dr. Mohammed Taufiq Johari, Menteri Belia dan Sukan telah hadir menyempurnakan Majlis Praperasmian Hari Sukan Negara Tahun 2026 sempena penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi Bulan Julai 2026 bertempat di Menara KBS, Putrajaya, hari ini.
2. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Mordi Bimol, Timbalan Menteri Belia dan Sukan; YBhg. Dato' Rahimi Ismail, Ketua Setiausaha KBS dan YBrs. Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).
3. Hari Sukan Negara (HSN) diadakan dengan matlamat untuk menyemai kesedaran berterusan tentang kepentingan bersukan bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sukan dan aktif. Selain itu, pelaksanaan HSN menerusi pendekatan menyeluruh juga mampu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dan memangkin pembangunan ekonomi negara menerusi industri sukan, serta memberikan pengiktirafan kepada warga sukan di peringkat akar umbi dengan objektif seperti berikut:
 - 3.1 meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat cergas dan aktif;
 - 3.2 meningkatkan pengetahuan sukan dalam kalangan masyarakat;
 - 3.3 memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum;
 - 3.4 memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi; dan
 - 3.5 menggalakkan pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan industri sukan.

4. Bagi edisi tahun 2026, sambutan HSN akan berlangsung selama tiga hari, bermula 9 hingga 11 Oktober 2026 secara serentak di seluruh negara. Manakala negeri Sarawak pula akan dilaksanakan pada 16 hingga 18 Oktober 2026. Majlis perasmian peringkat kebangsaan akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di pekarangan TM Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 10 Oktober 2026 (Sabtu).
5. Bertemakan "Teknologi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI)", HSN 2026 menyasarkan penglibatan lebih 5.3 juta orang rakyat Malaysia melalui pelbagai program sukan dan rekreasi yang akan dilaksanakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi nilai kerangka Malaysia MADANI khususnya nilai Kesejahteraan, Keyakinan dan Kemampunan dan hala tuju Visi Sukan Negara 2030 ke arah menjadikan sukan sebagai budaya hidup rakyat Malaysia.
6. Antara pengisian yang dirancang bagi pelaksanaan HSN Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 pada bulan Oktober nanti adalah Larian Ria MADANI, Berjalan Ria MADANI serta tumpuan kepada segmen Malaysia Aktif dan Industri Sukan dengan penerapan elemen Gaya Hidup Rakan Muda iaitu Rakan Aktif, Rakan Digital, Rakan Litar dan Rakan Niaga.
7. Selain itu, bermula Julai ini, KBS menerusi JBSN juga melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bersama agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) bagi mencipta momentum menjelang kemuncak HSN 2026. KBS menyeru semua pihak untuk turut sama menjayakan inisiatif ini seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan" menjelang tahun 2030.
8. Sekiranya ingin menjalin kerjasama strategik bersama KBS bagi penganjuran HSN 2026, sila hubungi urus setia di talian 03-8871 3166/ 3719/ 3183 atau e-mel hsn@kbs.gov.my. Maklumat HSN juga boleh diakses menerusi laman portal rasmi harisukannegara.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

